

30/08/1998

Kad untuk Perdana Menteri

ANAK MERDEKA ... seramai 40 pelajar Kolej Yayasan Saad, Melaka menyerahkan kad ucapan sempena hari kemerdekaan negara yang ke-41 kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kediaman Perdana Menteri di Sri Perdana, semalam.

Kad ucapan gergasi itu yang ditandatangani oleh semua penuntut kolej berkenaan diserahkan wakil pelajar, Shahrizal Amri Yahya dan Farah Amani Duzuki kepada Dr Mahathir.

Turut hadir Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan pengetua kolej berkenaan, Ramli Maidin.

(END)